

# UPM iktiraf semua lulusan Kolej ShahPutra

**S**EMUA lulusan diploma Kolej ShahPutra (KSP) Kuantan boleh melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda di Universiti Putra Malaysia (UPM), kata Pengarah Pusat Pendidikan Luar universiti itu, Prof Dr Abdul Aziz Shaharee.

Beliau berkata, UPM memberi keistimewaan kepada lulusan kolej itu kerana kualiti mata pelajaran ditarawakkannya diperakui, sekali gus melayakkan mereka mengikuti pengajian peringkat lebih tinggi.

Katanya, lulusan terbabit juga dikecualikan beberapa subjek yang diambil ketika mengikuti diploma bagi memudahkan mereka memberi tumpuan terhadap pelajaran peringkat ijazah sarjana muda.

"UPM memang memantau kegiatan pendidikan di KSP dari semasa ke semasa bagi memastikan ia mengikut spesifikasi dan piawaian ditetapkan pihak pengurusan," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Bacaan Ikrar Kolej ShahPutra Kuantan-UPM di UPM, Serdang, Semalam.

Hadir sama, Pengurus Eksekutif KSP, Dr Azman Zaini Abd Ghanie dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UPM, Prof Madya Dr

Azali Mohamed.

Pada majlis itu, 501 pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan serta Diploma Komputer dan Teknologi Maklumat kolej berkenaan berikrar untuk belajar bersungguh-sungguh.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Aziz berkata, satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi memastikan semua 18 kampus program luar UPM di seluruh negara menjalankan program mengikut kriteria ditetapkan.

Azman Zaini pula berkata, pihaknya kini turut menawarkan program peringkat ijazah sarjana muda dengan kerjasama dua universiti di Australia iaitu, Flinders University dan Griffith University.

Beliau berkata, kerjasama antara KSP dan kedua-dua universiti berkenaan membuktikan mutu pendidikan ditawarkan kolejnya mendapat pengiktirafan semua pihak.

Seorang pelajar, Nazirah Othman, 20, berkata sepanjang empat semester belajar di KSP, proses pembelajarannya bukan saja berjalan lancar, malah berkualiti dan dikendalikan secara sistematis.

Oleh Norliza Abdullah



**PENUH BERSEMANGAT:** Pelajar diploma KSP melafazkan ikrar untuk belajar bersungguh-sungguh di UPM, semalam.